



PERBADANAN ASET KERETAPI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

TARIKH: 7 OGOS 2025

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :

TAJUK PROJEK	SYARAT KELAYAKAN	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL & MUAT TURUN
NO. TENDER: RAC.K-A/06/25 CADANGAN MEMBINA DAN MENAIKTARAF KEMUDAHAN LIF SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI STESEN KERETAPI BATANG MELAKA, STESEN KERETAPI SEGAMBUT DAN STESEN KERETAPI SEPUTEH	Status: Bumiputera Gred: G7 Pengkhususan: B04 - Kerja-kerja pembinaan bangunan <u>Nota:</u> Kebenaran khas tidak dibenarkan untuk pengkhususan bidang kerja yang telah ditetapkan	Harga Dokumen: RM500.00 (Tidak akan dikembalikan) Perbankan Atas Talian ke atas nama Perbadanan Aset Keretapi	<u>Tarikh Jualan Dokumen:</u> 13 Ogos 2025 (Rabu) – 19 Ogos 2025 (Selasa) <u>Tarikh Muat Turun Dokumen:</u> 19 Ogos 2025 (Selasa) – 1 September 2025 (Isnin) <u>Catatan:</u> Dokumen akan diberi melalui storan dalam talian (<i>Cloud</i>). Pautan muat turun Dokumen dan kata laluan akan diberikan setelah Petender mengemukakan slip bukti transaksi bayaran.

SESI TAKLIMAT TENDER dan LAWATAN TAPAK adalah **DIWAJIBKAN** sepertimana ketetapan berikut:

Tarikh : **13 Ogos 2025 (Rabu)**

Masa dan Tempat:

Bil	Masa	Tempat Taklimat
1.	10.00 pagi	Stesen Keretapi Batang Melaka, Melaka
2.	2.30 petang	Stesen Keretapi Seputeh, Kuala Lumpur
3.	4.00 petang	Stesen Keretapi Segambut, Kuala Lumpur

Hanya petender yang telah memenuhi syarat ditetapkan adalah layak untuk menyertai sesi taklimat dan lawatan tapak.

Bagi sesi taklimat dan lawatan tapak, serta **hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Kontraktor **TIDAK BOLEH** mewakili individu selain daripada penama dalam PPK dan SPKK. Sila bawa bersama Sijil **ASAL** Pendaftaran **PPK, SPKK** dan **STB** beserta satu **SALINAN** sijil-sijil tersebut dan **cap syarikat**.

Hanya petender yang telah menghadiri Taklimat/ Lawatan Tapak Tender boleh membuat pembayaran secara atas talian dalam tempoh penjualan yang telah ditetapkan. Slip bayaran perlu dikemukakan melalui emel kepada perolehan@rac.gov.my dan disalinkan kepada finance@rac.gov.my sebagai bukti pembayaran.

TARIKH TUTUP TENDER:
9 September 2025 (Selasa)
Jam 12:00 tengah hari

Sebarang kelewatan dalam penghantaran dokumen tender tidak akan diterima. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Tender di penjuru kiri sebelah atas sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat :-

**Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Aset Keretapi
27-1, Sentral RAC,
No.16 Jalan Tun Sambanthan,
Brickfields,
50470, Kuala Lumpur**